



Pelajar UMS di Tamu Gadang

um 08.11.2012 V10

Oleh Nas Norziela
Nasbah
nasnorziela@
bharian.com.my

Pembabitian hampir 75 peratus penuntut Universiti Malaysia Sabah (UMS) di Tamu Gadang, mengambil sempena pesta konvokesyen baru-baru ini membuktikan keupayaan golongan itu untuk menonjolkan diri dalam bidang perniagaan.

"Alhamdulillah, gerai ini mendapat sambutan yang baik daripada pengunjung."

"Walaupun ini kali pertama pembabitian KRM kebanyakannya pengunjung yang datang ke gerai kami berpuas hati dengan barang yang dijual," katanya.

Walau pun dilakukan secara berkumpulan, ini dilihat sebagai satu usaha untuk membabitkan pelajar dalam bidang keusahawanan dan bersikap berdikari untuk melaksanakan sesuatu tugas.

Pelbagai barang dijual antaranya buku ilmiah, kitab suci al-Quran, pakaian muslimah, tudung, aksesori komputer, makanan dan minuman.

Tidak terkecuali untuk menyertainya ialah sekumpulan pelajar daripada Unit Ekonomi Kelab Rakan Masjid (KRM) dan juga Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa Anugerah Bestari 2012/2013 yang membuka gerai.

Mengambil peluang untuk menjual pelbagai barang yang dikendalikan oleh pelajar, pastinya gerai

di Tamu Gadang meriah.

Pertama kali bermiaga

Wakil KRM-UMS, Werdasari Wahid, 22 ketika ditemui berkata, pembabitian KRM di Tamu Gadang tahun ini merupakan pengalaman pertama mereka dan pastinya memberi hasil yang memuaskan sepanjang tujuh hari pesta itu diadakan.

"Alhamdulillah, gerai ini mendapat sambutan yang baik daripada pengunjung."

"Walaupun ini kali pertama pembabitian KRM kebanyakannya pengunjung yang datang ke gerai kami berpuas hati dengan barang yang dijual," katanya.

Isi masa lapang

Pelajar Sekolah Perniagaan dan Ekonomi itu menyifatkan

FAKTA NOMBOR

75

peratus

Penuntut UMS

menonjolkan diri dalam bidang perniagaan



Suasana di Tamu Gadang dalam Majlis Konvokesyen UMS di Kota Kinabalu, baru-baru ini.

[MALAI ROSMAH TUAH / BH]

pembabitian dia dan rakan dalam bidang keusahawanan memberi kesan positif selain mengisi masa lapang ketika tidak mempunyai kelas.

"Kami akan bergilir-gilir untuk menjaga gerai jika tidak mempunyai kelas.

Sekurang-kurangnya, masa terluang dapat diisi dengan perkara yang berfaedah.

"Selain itu, dapat juga meningkatkan tahap keyakinan apabila berhadapan dengan pelanggan sekali gus membantu kami untuk

memiliki kemahiran berurus dengan masyarakat," katanya lagi.

Pendapat itu dipersetuju rakannya, Riziah Yunin, 22, yang menjadikan pengalaman bermiaga sebagai landasan untuk mengasah

kemahiran bermiaga.

"Bukan saja di Tamu Gadang, KRM pernah menyertai expo dengan membuka gerai yang sama seperti hari ini.

"Selain itu, kami juga mempunyai kedai yang dinamakan Muslimart terletak di Kampung AB iaitu daripada satu kolej kediaman di UMS.

"Untuk mengendalikan kedai Muslimart, kami akan menjaganya secara bergilir-gilir mengikut jadual kuliah masing-masing.

"Bukan saja dapat meningkatkan kemahiran bermiaga, malah hubungan silaturahim dapat dieratkan melalui usaha KRM ini," katanya.

Lebih matang

Bagi Setiausaha Exco Pengurusan Organisasi Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa Anugerah Bestari 2012/2013, Siti Salmah Ahmad Rajuli, 22, peluang untuk menguruskan perniagaan di Tamu Gadang sempena Pesta Konvokesyen UMS cukup mematangkan dia dan rakan.

"Sebulan sebelum pesta konvokesyen berlangsung, kami perlu memikirkan apa jenis jualan yang boleh dijalui.

"Akhirnya kami membuat keputusan untuk menjual baju dan juga kerepek," katanya.

"Bukan mudah untuk mengendalikan sesbuah perniagaan. Apakah lagi kami juga perlu memastikan keadaan gerai dalam keadaan baik dan selesa untuk dikunjungi," katanya.